

21 JUN 2000

MESYUARAT MT UMNO PERTAMA DI IPOH BERKONSEP MESRA RAKYAT

IPOH, 21 Jun (Bernama) -- Mesyuarat Majlis Tertinggi Umno, yang buat pertama kalinya diadakan di luar Kuala Lumpur iaitu di Ipoh pada 3 Julai ini, akan berkonsep mesra rakyat.

Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali hari ini berkata mesyuarat itu akan dipengerusikan oleh Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ia akan diadakan pada pukul 2.30 petang tetapi tempatnya masih belum ditetapkan lagi, katanya katanya kepada pemberita selepas melancarkan kempen kutipan hasil dan tunggakan sifar 2000 kerajaan negeri di sini.

Menurutnya mesyuarat itu akan disusuli dengan satu jamuan malam bersama pemimpin-pemimpin parti dan kerajaan negeri yang tiada protokol dan meja khas.

"Dr Mahathir akan duduk bersama-sama pemimpin parti dan negeri yang lain. Anggota majlis tertinggi yang lain akan diletakan di meja berlainan bagi memastikan adanya interaksi dengan pemimpin negeri," katanya.

Tajol Rosli berkata Perak merupakan negeri pertama dipilih untuk mesyuarat MT Umno di luar Kuala Lumpur dan beliau bangga di atas pemilihan itu.

-- BERNAMA

HK NAK